

Normala Yaacub

B. Harian (M)

cedera kaki

- 9 AUG 1989

Sukan SEA

PEMENANG pingat perak Kejuaraan Silat Sedunia '87, Normala Yaacub mengalami kecederaan di bahagian kaki sewaktu menjalani latihan, semalam.

Bagaimanapun kecederaan itu tidak begitu berat dan pengurus pasukan, Haji Shafie Abdul Rahman, percaya Normala akan pulih sebelum kejohanan sebenar pada 25 Ogos.

Sebelum itu, pemenang pingat perak Sukan SEA '87, Zakri Ibrahim juga mengalami masalah yang sama ketika latihan.

Biarpun cedera, kedua-dua pesilat itu tidak dikesialikan daripada menjalani latihan ringan bagi mengekalkan kecergasan.

Normala mengalami luka pada bahagian kaki sewaktu membuat 'sepakan'.

Manakala, Zakri mengalami bengkak di paha dan kaki dalam latihan bertarung dengan Razak Ismail.

Haji Shafie berkata: "Kami mengadakan latihan bertarung bagi memantapkan mereka dengan bentuk serangan. Kecederaan bengkak adalah perkara biasa dalam silat olahraga."

SENARAI PESILAT MUDA

Indonesia dihormati



Oleh MOHD RAHIME YUSOF

WALAUPI Indonesia menyenaraikan peluruhan pesilat barunya tetap dianggap sebagai kepada pesilat kebangsaan dalam usaha memenangi lebihan pingat emas pada Sukan SEA

XV nanti. 13 AUG 1989

Pencabar utama itu hanya mengekalkan pesilat pingat emas Sukan SEA dua tahun lalu, I Wayan Madra (Kelas I) dan pesilat wanita, Ni Made Wahyuni (Kelas D).

Berikutan itu ketua jurulatih kebangsaan, Sani Morni, sentiasa mengingatkan 'anak

B. Minggu (M)

buahnya' supaya sentiasa merendah diri dan tidak terlalu ghairah.

Katanya, muka baru pesilat Indonesia tetap dianggap sebagai ancaman kerana tidak diketahui kemampuan sebenar mereka.

Pesilat Indonesia ialah Slamet Latanggang (Kelas A), Syakera Pujasmedi (B), Agus Prasetyo (C), Dani Wisnu (D), Imanueal Daundi (E), Zuchry Harahap (F), Arif Selamet (G), Zakaria Said (H), M Zamharun (Bebas).

Manakala pesilat wanita terdiri daripada Herina (A), Saiffatul Khusna (B), Nadiyah (C) dan Nao-de Hanifah (E).

Sani berkata: "Saya akan pastikan setiap pesilat negara berupaya ke separuh akhir, walaupun terpaksa berdepan dengan pesilat Indonesia di pusingan awal."

Penguasaan

Begitupun, beliau tidak memperkecil keupayaan Brunei, Singapura dan Thailand.

Ini katanya, semua pasukan sudah menunjukkan kemampuan masing-masing semasa di Jakarta, dua tahun lalu.

Sementara itu jurulatih silat Indonesia, Arnowo Adji, menyifatkan peluang mengekalkan penguasaan pingat emas seperti dua tahun lalu tidak sukar, sekalipun menurunkan ramai muka baru.

Bagaimanapun, beliau menganggap Malaysia sebagai penghalang utama.